

Edisi Julai 2023 - Mei 2024

 MITASA



Suara

MITASA

*PERUBAHAN PEMANGKIN
KEMAJUAN BERTERUSAN*

AGM-36 MITASA
TAMPIL KEPIMPINAN BAHARU



Bengkel Pemantapan Penyerah 2023 Mitasa telah diadakan di UiTM Perlis 4-6 September tahun lalu dan dihadiri wakil-wakil penyerah dari seluruh cawangan berdekatan.



Pada 31 Januari 2024, MITASA turut dijemput untuk menyertai Pasukan Pelambai Bagi Istiadat Keberangkatan Tiba Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-pertuan Agong XVII bersama-sama dengan warga UiTM yang lain.



Pada 23 Januari lalu, MITASA telah mengadakan kunjungan hormat kepada YBhg. Profesor Dr Ahmad Taufek Abdul Rahman, Rektor UiTM Cawangan Selangor bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Bangunan FF1 Kampus Puncak Alam.



Presiden MITASA, Encik Saharuddin Lin hari ini turut dijemput menyertai Bengkel Penyediaan Kertas Cadangan Penambahbaikan Skim Perkhidmatan Akademik Majlis Profesor Negara dari Ixora Hall, Palm Garden Hotel, Putrajaya.



Kongress Persatuan Pekerja-Pekerja Di Dalam Perkhidmatan Awam (CUEPACS) telah mengadakan Bengkel Skim Perkhidmatan Gred Pelajaran CUEPACS 2024 pada 5 hingga 7 Januari 2024. Empat Exco MITASA juga turut menghadiri bengkel berkenaan yang diadakan di STEG, Kuala Lumpur.



Ahli Majlis Kerja MITASA turut dijemput menyertai Bengkel Hala Tuju Gred Pihak Berkuasa Tempatan dan Badan-Badan Berkanun CUEPACS Tahun 2024 yang diadakan di Mardhiyyah Hotel & Suite Shah Alam pada 27 hingga 29 Februari 2024. Pelbagai input berguna telah dikongsikan melalui bengkel tersebut yang dihadiri oleh Timbalan Presiden MITASA, Encik Mohd Amirul Akhbar, Setiausaha MITASA, Dr Faridah Hussain dan Bendahari MITASA, Ts Nor Azlin.



Barisan Exco MITASA menghadiri Majlis Ramah Mesra YB Menteri Bersama Warga Kementerian Pendidikan Tinggi Tahun 2024 bertempat di Tempat Letak Kenderaan KPT, Putrajaya hari ini. Majlis yang turut dihadiri Naib Canselor UiTM itu juga diserikan dengan kehadiran wakil-wakil kepimpinan dari UTIMAS, KKUiTM dan ramai lagi.

Untuk sebarang urusan berkaitan akses terhadap MITASA, ahli-ahli boleh mengikuti kami di platform media sosial MITASA dengan mengimbas kod QR yang disediakan seperti Tiktok, Facebook, Instagram dan Twitter. Bersama ini juga disertakan kod QR untuk pendaftaran sebagai ahli dan borang aduan untuk ahli yang memerlukan.

Media Sosial MITASA




Tiktok



Facebook



Twitter



Instagram



Laman Web

Keahlian & Aduan



Borang Ahli



Borang Aduan



Siti Fatimah Awang
Setiausaha Media dan
Korporat MITASA
010-9280262



Nadra Sharfina Ab Rahman
Setiausaha Pejabat MITASA
018-2365130